



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (23)
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2019

SIARAN MEDIA

Pra Pelancaran Kempen Pemilikan Rumah Mampu Milik *Home Ownership Campaign (HOC): Affordable Homes*

PUTRAJAYA 23 September 2019 – YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini telah merasmikan Majlis Pra Pelancaran Kempen Pemilikan Rumah Mampu Milik (*Home Ownership Campaign (HOC) Affordable Homes*). HOC kali ini memberi fokus kepada penjualan rumah di bawah harga RM300,000 khusus bagi golongan B40 dan M40.

HOC bakal berlangsung selama tiga (3) hari iaitu pada 4 hingga 6 Oktober 2019 di *NU Sentral*, Kuala Lumpur. Penganjuran HOC seumpama ini diteruskan dengan tema "*Affordable Home For You*" sesuai dengan gambaran bahawa rakyat boleh memiliki rumah pada harga yang bersesuaian dengan kemampuan masing-masing. Ia juga menggambarkan komitmen kerajaan dalam penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki.

HOC adalah salah satu platform untuk memperkukuh, menyelaras pelaksanaan strategi dan pelan tindakan bagi menangani isu kebolehcapaian pemilikan rumah. Berdasarkan Laporan Suku Pertama Tahun 2019 oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sebanyak 48,585 unit rumah yang berharga RM300,000 ke bawah masih belum terjual merangkumi sebanyak 36,512 unit dalam pembinaan dan 12,073 unit yang telah siap.

Sehubungan dengan itu, penganjuran HOC berpotensi menjadi satu medium atau *One Stop Centre (OSC)* bagi agensi kerajaan dan pemaju swasta untuk memasarkan rumah mampu milik di bawah satu bumbung. Di samping itu, HOC mampu menjadi tempat rujukan bagi rakyat untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat mengenai tawaran-tawaran rumah mampu milik yang ada di pasaran. Terdapat pelbagai insentif menarik yang ditawarkan sepanjang penganjuran HOC kali ini seperti :

- i. Penganjuran HOC pada kali ini hanya memberi fokus kepada jualan rumah mampu milik di bawah RM300,000 dan pembeli rumah pertama;
- ii. Diskaun sehingga RM30,000 melalui Skim Perumahan Mampu Milik. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada syarat dan terma yang berkuatkuasa;
- iii. Pengecualian duti setem bagi surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman;
- iv. Inisiatif kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah menyediakan dana rumah mampu milik bagi pendapatan isi rumah sebanyak RM4,360 bagi rumah yang berharga sehingga RM300,000 pada kadar 3.5% dengan tempoh pinjaman sehingga 40 tahun atau berumur sehingga 70 tahun. Pelaksanaan inisiatif ini adalah melalui bank-bank yang berdaftar iaitu Ambank, Bank Simpanan Nasional (BSN), CIMB, Maybank dan RHB.
- v. Pemberian diskaun dan rebat sehingga 30% bagi projek PR1MA yang terpilih di seluruh negara (tertakluk kepada terma dan syarat);
- vi. PR1MA juga menawarkan baucar sehingga RM30,000 dalam bentuk peralatan elektrik dan perabot rumah bagi pembeli rumah PR1MA yang bertuah (tertakluk kepada terma dan syarat).;
- vii. Cabutan bertuah secara harian bagi pembeli-pembeli bertuah;

Penganjuran HOC dilaksanakan secara kolaborasi strategik antara Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama agensi-agensi di bawah KPKT. Ia melibatkan sebanyak 42 booth yang meliputi pavillion agensi kerajaan, pemaju perumahan swasta dan institusi kewangan serta khidmat nasihat.

Antara agensi-agensi Kerajaan yang turut terlibat dalam penganjurannya Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Urbanice Malaysia. Penganjuran ini juga dilaksanakan dengan kerjasama PNB Development Sdn. Bhd. dan Malaysia Resources Corporation Berhad (MRCB).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah kementerian ini terdapat tujuh Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Solid Waste Corporation Malaysia

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my